

13/10/1997

Krisis mata wang isu global

Maznah Darus

GEORGETOWN, Ahad - Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon mahu segenap lapisan masyarakat menganggap krisis mata wang yang melanda negara sekarang sebagai isu antarabangsa.

"Ia bukan setakat isu dalam negara saja. Banyak negara jiran juga terbabit dengan krisis ini, sekali gus menjadikannya isu antarabangsa.

"Saya juga berharap rakyat Malaysia memahami keadaan ini dan menyedari rasional disebalik tindakan pemimpin negara, terutama yang dilaksanakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam menangani masalah ini," katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya, di sini semalam.

Koh berkata, adalah kurang wajar bagi segelintir ahli masyarakat menyalahkan Perdana Menteri kerana bersuara lantang sehingga menyebabkan nilai mata wang negara jatuh mendadak.

"Kita lihat keadaan yang sama melanda negara jiran biarpun pemimpin mereka tidak melahirkan pandangan setegas Dr Mahathir. Malah di sana keadaannya jauh lebih buruk daripada Malaysia.

"Keberanian dan kelantangan suara Perdana Menteri kita itu juga kini berjaya menarik perhatian Pertubuhan Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia untuk turut bertindak dan memberikan sokongan dalam mencari jalan keluar daripada kemelut yang ditimbulkan oleh penyangak ekonomi Barat itu," katanya sambil menambah bahawa sejak kebelakangan ini juga nama Dr Mahathir turut dikaitkan dengan kejatuhan nilai ringgit, terutama media Barat.

(END)